

Penyelidikan

Pecipta'13

INTERNATIONAL CONFERENCE AND EXPOSITION ON INVENTION OF INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING

OPENING CEREMONY

Official

D

N J

N II



UniMAP Ungguli PECIPTA 2013

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus mengungguli Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur selepas meraih meraih 16 Emas, 19 Perak dan 16 Gangsa termasuk bagi kategori penyelidikan Institut Pengajian Tinggi dan penyelidik muda. Untuk penyertaan kali ini, UniMAP telah menghantar sebanyak 50 produk yang dilihat mempunyai nilai komersil yang tinggi, ia adalah bertepatan dengan Tema PECIPTA iaitu *Transforming Research and Innovation Towards Commercialization* dan adalah menjadi agenda UniMAP untuk memberi fokus terhadap pengkomersilan produk-produk yang dihasilkan.

Lebih membanggakan lagi apabila UniMAP berjaya meraih tiga Anugerah Khas daripada Association of Polish Inventors Rationalizes Poland bagi produk *Sea-Eye : A Super Sea Surveillance System* oleh Prof. Madya Dr. Hazry Desa dan daripada Korea Inventors News (KINEWS) menerusi produk *Value Added Product From Refined EBN Waste For The Cosmetic Industry* oleh Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah. Anugerah khas seterusnya berjaya diraih Prof Madya Dr. Iqbal Omar menerusi produk *Rapid Bacteria Species Detection For Diabetic Foot Infection* daripada International Intellectual Property Network Forum (IIPNF).

PECIPTA 2013 yang berlangsung dari 7 hingga 9 November 2013 merupakan anjuran bersama oleh UniMAP dan UUM, dan disertai oleh 19 IPTA dan empat IPTS dari seluruh negara. Buat pertama kalinya juga, PECIPTA 2013 turut disertai oleh institusi pengajian antarabangsa iaitu Taiwan, Korea, Turki, Mesir, Indonesia, Thailand dan Qatar yang turut menghantar 19 produk untuk dipertandingkan. Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh hadir merasmikan PECIPTA 2013.

